



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545
Faks :603-88895542
E-mail :ismailmerican@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA
DEMAM DENGGI DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA
Bagi Minggu 18/2010 (2 hingga 8 Mei 2010)

Sepanjang minggu ke-18, iaitu bagi tempoh 2 hingga 8 Mei 2010, sejumlah 760 kes demam denggi telah dilaporkan di seluruh negara. Terdapat penurunan sebanyak 30 kes (4%) berbanding dengan 790 kes pada minggu sebelumnya. Tiada kematian disebabkan denggi yang dilaporkan pada minggu lepas berbanding 2 kematian pada minggu sebelumnya. Lima (5) negeri menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya iaitu Johor (26 kes), Sabah (19 kes), Kedah (5 kes), Kelantan (4 kes) dan Perlis (2 kes) seperti di lampiran A.

Jumlah kes terkumpul yang dilaporkan bagi tahun ini adalah 17,215 kes berbanding 19,275 kes bagi tempoh yang sama tahun lepas, penurunan sebanyak 11% pada tahun ini. Bilangan kematian pada tahun ini adalah 56 kes berbanding 48 kes pada tahun lepas, iaitu peningkatan sebanyak 17%.

Sepanjang minggu lepas, terdapat 35 kawasan "hot spot" yang masih aktif, berbanding 31 lokaliti "hot spot" pada minggu sebelumnya, melibatkan negeri-negeri seperti Selangor, WP Kuala Lumpur, Johor, Pahang dan N.Sembilan (Lampiran C). Daripada jumlah tersebut, 14 kawasan masih mempunyai kadar pembiakan Aedes yang tinggi (Lampiran D). Kerjasama penduduk masih tidak memuaskan dengan

hanya 4 (11%) dari kawasan “hot spot” tersebut telah mengadakan aktiviti gotong-royong.

Kementerian terus berusaha meningkatkan pengetahuan masyarakat mengenai denggi. Pada minggu lepas, terdapat peningkatan dalam aktiviti pendidikan kesihatan seperti edaran risalah yang meningkat sebanyak 14 % kepada 95,988 keping yang telah diedarkan, penampalan poster 94% (1,817 keping) dan dialog bersama penduduk 68% (89 sesi) berbanding minggu sebelumnya. Walaupun usaha-usaha mendidik masyarakat mengenai pencegahan denggi meningkat, tetapi tindakan masyarakat masih rendah di mana aktiviti gotong-royong menurun sebanyak 5% (19 aktiviti) daripada minggu sebelumnya. Oleh itu, kerjasama penduduk setempat dalam aktiviti menghapuskan tempat-tempat pembiakan dan pembersihan kawasan masing-masing amat diperlukan.

Sempena musim cuti sekolah yang akan berlangsung pada minggu ke 2 dan ke 3 bulan Jun, pihak sekolah dinasihatkan supaya melakukan pemeriksaan pembiakan Aedes, terutamanya di tempat-tempat seperti kolam hiasan, pasu bunga dan lanskap yang boleh menakung air. Bagi langkah pencegahan, pihak sekolah diminta supaya memasukkan ubat pembunuh jentik-jentik (Abate) ke dalam tangki pam tandas (cistern) dan semua mangkuk tandas yang mungkin tidak digunakan semasa cuti persekolahan. Kebersihan persekitaran sekolah perlu dipastikan, terutamanya dari bekas-bekas yang boleh menakung air seperti bekas minuman dan makanan.

Bagi mereka yang mengalami gejala-gejala demam denggi, hendaklah segera dapatkan rawatan di klinik atau hospital berdekatan. Pengesanan dan rawatan awal dapat menyelamatkan nyawa dan mencegah penderitaan akibat demam denggi. Di samping itu, pengamal perubatan yang telah mendiagnosa kes sebagai demam denggi atau kes

yang disyaki denggi mesti melaporkan kes tersebut dalam tempoh yang ditetapkan ke Pejabat Kesihatan berhampiran.

Bagi tempoh 2 hingga 8 Mei 2010, sejumlah 5 kes penyakit Chikungunya dilaporkan, berbanding 5 kes pada tempoh yang sama minggu sebelumnya. Kesemua 5 kes yang dilaporkan adalah dari Sarawak. Jumlah terkumpul kes Chikungunya ialah 546 kes berbanding 1,670 kes, penurunan sebanyak 1,124 kes (67%) untuk tempoh yang sama pada tahun 2009.

(TAN SRI DATO' SERI DR. HAJI MOHD ISMAIL MERICAN)

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

10 Mei 2010

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 18/2010
(2 hingga 8 Mei 2010)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 18/2010	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 18/2009
		Minggu 18 (2 – 8 Mei 2010)	Minggu 17 (25 April – 1 Mei 2010)		
1	Perlis	4	2	48	77
2	Kedah	23	18	235 (2)	387
3	P. Pinang	17	17	399 (2)	1,139
4	Perak	38	40 (1)	622 (2)	1,583
5	Selangor	301	329	8,070 (27)	10,168 (34)
6	WPKL & Putrajaya	92	119	1,988 (4)	1,693 (6)
7	N. Sembilan	42	51	770 (3)	374 (4)
8	Melaka	10	16 (1)	183 (3)	250
9	Johor	88	62	1,091 (3)	1,120 (2)
10	Pahang	15	20	435 (1)	357 (1)
11	Terengganu	11	12	343	467
12	Kelantan	35	31	431 (2)	560
13	Sarawak	47	55	1,899 (6)	688
14	Sabah	37	18	693 (1)	394 (1)
15	WP Labuan	0	0	8	18
	Jumlah	760	790 (2)	17,215 (56)	19,275 (48)

Nota: () Kematian

**KES CHIKUNGUNYA DILAPORKAN PADA MINGGU 18/2010
(2 hingga 8 Mei 2010)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes		Jumlah Terkumpul Minggu 1-18 Tahun 2010	Jumlah Terkumpul Minggu 1- 18 Tahun 2009
		Minggu 18 (2 – 8 Mei 2010)	Minggu 17 (25 April – 1 Mei 2010)		
1	Perlis	0	0	0	18
2	Kedah	0	0	0	38
3	P. Pinang	0	0	3	77
4	Perak	0	0	3	285
5	Selangor	0	1	17	337
6	WPKL & Putrajaya	0	0	0	74
7	N. Sembilan	0	0	0	29
8	Melaka	0	0	0	0
9	Johor	0	0	1	119
10	Pahang	0	0	1	60
11	Terengganu	0	0	1	38
12	Kelantan	0	0	2	315
13	Sarawak	5	3	502	280
14	Sabah	0	1	9	0
15	WP Labuan	0	0	7	0
	MALAYSIA	5	5	546	1,670

Bilik Gerakan CPRC Kebangsaan
Bahagian Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia

SENARAI LOKALITI “HOT SPOT” SEHINGGA 8 Mei 2010 (Mg 18)

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	MBPJ	Mentari Court PJS 8	37	121
2	SELANGOR	MPKJ	Taman Sepakat Indah	54	83
3	SELANGOR	MBPJ	SS 9A	35	72
4	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 3 Taman Pelangi Semenyih	48	66
5	SELANGOR	MPAJ	Pandan Mewah (Zon A)	25	62
6	SELANGOR	MBSA	Seksyen 13 (Pangsapuri Perdana)	25	58
7	SELANGOR	Hulu Langat	Fasa 4 Taman Taming Jaya	7	54
8	SELANGOR	Gombak	Taman Desa Jaya	21	53
9	SELANGOR	Hulu Langat	Pangsapuri Baiduri Bandar Tasik Kesuma	18	49
10	SELANGOR	MPSJ	Taman Serdang Jaya 2	12	45
11	SELANGOR	Kuala Langat	Bandar Saujana Putra	5	38
12	SELANGOR	Hulu Selangor	Apartment Kenangan TBR, Bukit Beruntung	5	34
13	SELANGOR	MBPJ	Apartment Impian PJU 10	6	33
14	SELANGOR	MBSA	Seksyen 2	5	33
15	SELANGOR	MPSJ	Pusat Bandar Puchong (Jalan Wawasan 1)	11	32
16	SELANGOR	MPSJ	Pusat Bandar Puchong (Wawasan 2)	7	32
17	SELANGOR	MBPJ	SS 22	5	31
18	SELANGOR	MPKJ	Taman Koperasi LLN	7	30
19	SELANGOR	MPAJ	Taman Melawati (Zon 5)	11	30
20	WPKL	Cheras	PPR Desa Tun Razak	24	117
21	WPKL	Cheras	Taman Maluri Jalan Jejaka	16	68
22	WPKL	Cheras	Desa Tasik (Polis)	14	37
23	WPKL	Setapak	Keramat Wangsa Kelumpuk Cempaka Penguin	19	67
24	WPKL	Setapak	PPR Desa Rejang	9	37

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
25	WPKL	Klang Lama	Vista Angkasa	22	79
26	WPKL	Klang Lama	Bukit Jalil (Jalil Damai Apartment)	13	65
27	WPKL	Klang Lama	Pantai Dalam (PPR Pantai Ria)	5	32
28	WPKL	Kepong	Ampat Tin (R,K,A,T)	6	31
29	WPKL	Damasara	Apartment Putra Ria	11	31
30	WPKL	Damasara	Apartment Abdullah Hukum	6	30
31	JOHOR	MPPG	Taman Tg Puteri Resort Jalan Lampam, Pelentong	9	40
32	JOHOR	MPPG	Taman Mawar, Pelentong	9	34
33	PAHANG	Rompin	Bandar Melati	8	31
34	N.SEMBILAN	Seremban	Taman Rasah Jaya F1 (Ep 2)	7	32
35	N.SEMBILAN	Seremban	Taman Marida (Anggerik/Taman Melati)	9	30

**SENARAI LOKALITI “HOT SPOT” YANG MASIH MEMPUNYAI KADAR
PEMBAIKAN NYAMUK AEDES YANG TINGGI BAGI MINGGU KE-18**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Peratus rumah positif daripada jumlah rumah diperiksa (%)	Jum. bekas positif daripada 100 rumah diperiksa
1	JOHOR	MBPJ	Taman Mawar Pelentong	22.4	23
2	SELANGOR	MBSA	Seksyen 2	14.3	19
3	WP KL	Kepong	Ampt Tin (R, K, A, T)	11.0	11
4	WP KL	Cheras	Desa Tasik (Polis)	9.0	9
5	SELANGOR	MBSA	Seksyen 13 (Pangsapuri Perdana)	7.2	7
6	JOHOR	MPPG	Taman Tg. Puteri Resort, Jalan Lampam, Pelentong	6.9	7
7	SELANGOR	MBPJ	SS 22	5.0	5
8	SELANGOR	MPSJ	Pusat Bandar Puchong (Jalan Wawasan 1)	5.0	7
9	SELANGOR	MPSJ	Pusat Bandar Puchong (Wawasan 2)	4.5	5
10	N. SEMBILAN	Seremban	Taman Rasah Jaya F1 (Ep. 2)	3.6	4
11	WP KL	Setapak	PPR Desa Rejang	2.0	2
12	SELANGOR	MPKJ	Taman Koperasi LLN	2.0	2
13	N. SEMBILAN	Seremban	Taman Marida (Anggerik / Taman Melawati)	1.6	2
14	SELANGOR	Hulu Langat	Pangsapuri Baiduri Bandar Tasik Kesuma	1.4	1